

# Gotong-royong hapus tikus

Penduduk, MPSJ laksana operasi sekitar pusat perniagaan Taman Seri Serdang

Oleh Nurul Farina Nazlan  
nfarina@bharian.com.my

**S**ERDANG: Gangguan tikus menjadi masalah utama kepada peniaga sekitar pusat perniagaan komersial Taman Seri Serdang, di sini, yang menyebabkan operasi harian premis mereka hampir terjejas.

Peniaga yang hanya mahu dikenali sebagai Batma, 42, berkata beliau terpaksa meletakkan bahan runcit makanan di dalam bekas kaca bagi mengelak gangguan tikus yang semakin menular.

“Banyak kaedah sudah digunakan untuk mengatasi masalah gangguan tikus yang saiznya sangat besar, tetapi setakat ini ia nyata tidak berhasil.

“Tikus ini bukan saja menjejaskan kebersihan dan bahan jualan, tetapi peniaga di sini juga bimbang dengan penyakit bawaan seperti kencing tikus.

“Dengan adanya operasi Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), ia membantu kami mengurangkan masalah itu dengan kaedah dan peralatan pembasmian yang diguna pakai,” katanya ditemui pada Operasi Gotong-Royong Pembasmian



PEMBANTU Kesihatan MPSJ Intan Razali menunjukkan tikus yang ditangkap di Zon 20 di pusat perniagaan komersial Seri Serdang.

Kacau Gangu Tikus MPSJ, di sini, semalam.

Operasi itu dianjurkan Jawatankuasa Penduduk (JKP) Zon 20 MPSJ membabitkan lebih 30 JKP dan kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu yang mele-

takan roti beracun bagi mengutip tikus di sekitar kawasan operasi, pada malam sebelum hari kutipan dilakukan dan kutipan dilaksanakan lebih satu jam bermula jam 8 pagi.

Pengerusi JKP Zon 20, Sufari

ROSELA ISMAIL | BERITA HARIAN

Tinin, berkata 102 bangkai tikus berjaya dikutip sepanjang operasi berkenaan yang dijalankan dalam dua fasa, dengan fasa kedua dijangka pada Oktober ini.

“Objektif operasi ini bagi memastikan kesihatan persekitaran yang baik dan mencegah kemungkinan penyakit bawaan tikus. Pelaksanaan operasi ini juga bagi menjayakan program Zon Bersih di Seri Serdang.

“Kami mendapat sokongan penuh Jabatan Kesihatan MPSJ yang membantu meletak umpan beracun di kawasan sasaran.

“Saya berharap dengan operasi ini, penduduk dan peniaga akan terus peka untuk membasmi masalah gangguan tikus bersama JKP,” katanya.

## FAKTA NOMBOR

# 102

## bangkai

Tikus berjaya dikutip